

21/01/2002

Kemampuan kendali ekonomi faktor BN menang

KANGAR, Ahad - Kemampuan kerajaan mengendalikan ekonomi negara dengan baik adalah antara faktor kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan, semalam.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata rakyat melihat realiti itu apabila kerajaan masih mampu menyediakan pakej rangsangan ekonomi untuk menyediakan kemudahan asas dan pemberian pelbagai insentif termasuk bonus dan kenaikan gaji kakitangan awam.

"Faktor ini memberi sumbangan besar kepada kemenangan BN semalam. Rakyat percaya Kerajaan Pusat dan negeri mampu mengendalikan ekonomi dengan baik walaupun dalam keadaan ekonomi dunia tidak menentu sekarang," katanya pada majlis menunaikan nazar empat ahli Umno dari bahagian bahagian Sik sempena kemenangan BN di Kampung Guar Syed Alwi, hari ini.

Beliau berkata rakyat melihat sendiri kemampuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengemudi ekonomi negara dengan baik dan mereka mahu ia diteruskan.

Shahidan diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir bahawa kemenangan itu juga sebagai menebus maruah BN.

Menteri Besar berkata pendekatan ceramah `maki-hamun' pembangkang juga menyumbang kepada kemenangan BN.

Katanya, pengundi Indera Kayangan tidak dapat menerima kecaman keterlaluan termasuk serangan peribadi terhadap pemimpin BN terutama dirinya ketika kempen.

Sehubungan itu, katanya, beliau sedang menimbang untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pemimpin pembangkang yang didakwa memfitnahnya ketika berceramah.

"Saya sedang meneliti pita rakaman ceramah pembangkang jika ada yang berunsur fitnah terhadap saya atau keluarga terutama berhubung tugas saya sebagai Menteri Besar," katanya.

Beliau kesal kerana pembangkang tidak mempedulikan undang-undang ketika berkempen dan menyebarkan dakwaan tanpa fakta.

"Contohnya isu peti misteri...mana dia faktanya... rakyat sudah dikelirukan," katanya.

(END)